



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

19 November 2020
3 Rabiulakhir 1442H

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	•
Berita Harian	• Sungai Kahang lubuk udang
Harian Metro	• Lima nelayan warga asing terapung 4 jam
Kosmo !	• Banteras kes samun, rompakan laut
Sinar Harian	• Nelayan kawasan Semerak, Pasir Putih "gantung" pukat, tidak dapat turun ke laut • Lambakan ikan, hasil laut tidak terjual
The Star	•
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
Harakah	•
Malaysia Dateline	•
Bernama	•
See Hua Daily News (Kuching)	•
Guan Ming Daily	•
Sin Chew Daily	•

JENIS AKHBAR						MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO		THE STAR	NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN:		POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL	

Sungai Kahang lubuk udang

Keadaan air tak tercemar, hasil tangkapan pemancing meningkat

Oleh Adnan Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Kluang: Sungai Kahang di sini yang tidak pernah tercemar menjadi 'lubuk rezeki' kepada puluhan pemancing hingga aktiviti memancing ibarat pesta apabila mereka berjaya membawa pulang tangkapan antara tiga hingga lima kilogram udang galah.

Pemancing, Muhammad Shukor Shafee Umuq, 46, berkata pendapatan pemancing khususnya mereka yang menjadi nelayan darat meningkat sekali ganda kerana mampu menaikkan udang bersaiz A dalam kuantiti banyak setiap kali ke sungai.

Muhammad Shukor Shafee berkata, ada pemancing sanggup bermalam antara satu hingga dua malam selepas mendapati tangkapan meningkat yang mungkin berpunca daripada keadaan air yang tidak tercemar.

"Jika kena pada lubuknya, seorang pemancing boleh bawa balik hingga lima kilogram sehari dan keadaan ini jarang berlaku sejak saya melakukan aktiviti memancing udang galah selepas bersara daripada perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) kira-kira lapan tahun lalu.

"Keadaan seperti ini berlaku mungkin kerana sejak saya melakukan aktiviti memancing di sungai ini, tidak pernah lagi ada sebarang insiden pencemaran di hulu sungai dilaporkan," katanya kepada *BH* di sini.

Sementara itu, Khiruddin Kamarulzaman, 35, yang kebiasaannya turun memancing setiap hujung minggu di kawasan perkampungan Orang Asli Tanah Abang sanggup beralih arah ke Sungai Kahang selepas menda-



Muhammad Shukor Shafee menunjukkan udang galah yang dipancing di Sungai Kahang.

pati fenomena udang galah 'lapar' di sungai berkenaan.

Katanya, setiap waktu terluang dan cuti hujung minggu akan digunakan sebaik-baiknya bersama rakannya untuk mendapat-

kan tangkapan yang lumayan setiap kali turun memancing.

"Malah ada rakan-rakan sudah membuat tempahan awal sekiranya mengetahui kami turun memancing," katanya.

JENIS AKHBAR						MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO I		THE STAR	NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO	/	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN:		POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL	

Pasir Puteh: Lima nelayan warga asing berdepan detik cemas apabila terpaksa terapung antara dua hingga empat jam selepas bot dinaiki karam dipukul ribut 12 batu nautika dari perairan Kuala Besut, Terengganu, semalam.

Semua mangsa berusia 24 hingga 53 tahun iaitu seorang warga Thailand dan empat warga Myanmar diselamatkan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Kelantan antara jam 2 hingga 4 pagi semalam.

Pengarahnya, Kepten Maritim Muhd Nur Syam Asmawie Yaacob berkata, pihaknya menerima maklumat kejadian bot terbalik awal pagi semalam sebelum menggerakkan Bot Penyelamat 7.

Katanya, seorang mangsa diselamatkan bot nelayan jam 12 tengah malam pada jarak 12.1 batu nautika dari Muara Tok Bali manakala empat lagi ditemui selamat dan terapung pada jarak 21.9 batu nautika jam 4 pagi.

"Berdasarkan keterangan mangsa, kejadian berlaku jam 12 tengah malam dan mereka terpaksa terapung dua hingga em-

Lima nelayan warga asing terapung 4 jam



NELAYAN warga asing yang diselamatkan APMM Kelantan, semalam.

pat jam sebelum diselamatkan.

"Ketika ditemui, mangsa memakai jaket keselamatan serta mengikat pelampung pada badan. Mangsa turut memaklumkan semua kru memakai jaket keselamatan semasa kejadian kecuali tekong," katanya pada sidang media di pejabat Jeti Maritim Malaysia Kelantan di sini, semalam.

Beliau berkata, ketika kejadian mereka menaiki bot pukot tunda dan hanya

seorang cedera serta dihantar ke hospital.

"Mereka dipindahkan ke Bot Penyelamat 7 jam 2.15 petang sebelum tiba di jeti APMM Kelantan jam 4 petang.

"Saya ingin menegaskan nelayan berkenaan selamat kerana menggunakan jaket keselamatan dan saya menasihatkan pengusaha bot dan komuniti maritim supaya menggunakan jaket keselamatan ketika berada di laut," katanya.

JENIS AKHBAR						MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO I	THE STAR	NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN:		POSITIF	NEGATIF	NEUTRAL			

Esscom tubuh pasukan khas, tangani ancaman keselamatan komuniti maritim

Banteras kes samun, rompakan laut

Oleh IVAN AMIRUL

KUNAK – Satu pasukan petugas khas ditubuhkan Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (Esscom) bagi membanteras kes samun dan rompakan di laut di perairan Zon Selamat Timur Sabah (Esszone).

Komander Bsscom, Datuk Ahmad Fuad Othman berkata, penubuhan pasukan petugas khas berkenaan adalah komitmen berterusan pasukan keselamatan bagi menangani sebarang aktiviti yang mengancam keselamatan komuniti maritim.

"Kita juga akan turut melaksanakan operasi khas selaras penubuhan pasukan itu.

"Langkah ini ekoran terdapat beberapa kejadian samun dan rompakan di laut yang dilaporkan berlaku di kawasan perairan Esszone termasuk Lahad Datu, Kunak dan Semporna sejak kebelakangan ini," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Tambah Ahmad Fuad, kejadian rompakan terbaharu dilaporkan di sebuah bagang bergerak berhampiran Pulau Burung pada Ahad lalu membatikan tiga mangsa termasuk pe-



AHMAD FUAD

ngusaha bagang terbabit.

Menurutnya, dalam kejadian itu, sebuah bot dinaiki tiga suspek lelaki bertopeng dan berpakaian gelap dengan loghat asing menghampiri bagang berkenaan sekitar pukul 3 pagi.

Rompakan itu mengakibatkan kerugian beberapa barangan seperti sebuah enjin, dua tong ais, dua telefon bimbit selain satu tong plastik berisi 25 liter minyak petrol.

Mengulas lanjut kejadian itu, Ahmad Fuad memberitahu, pihaknya percaya kejadian itu



ESSCOM menubuhkan pasukan khas bagi membanteras kes samun dan rompakan laut di perairan Esszone. – GAMBAR HIASAN

tidak membabitkan elemen luar, namun sebaliknya suspek dari 'kelompok dalaman'.

"Kita akan terus berusaha mengesan semua suspek yang dipercayai masih berada dalam perairan negara," jelasnya.

Kosmo! sebelum ini melaporkan penganas Sulu, Kumpulan

Abu Sayyaf (ASG) dan kumpulan penculik bagi mendapatkan wang tebusan (KFR) kini menunggu masa untuk mencero boh kawasan Timur Sabah untuk tujuan penculikan.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Hamid Bador berkata, ancaman itu sentiasa ada



KERATAN Kosmo! kelmarin.

memandangkan tiga kumpulan tersebut menunggu peluang untuk memasuki kawasan sepanjang 1,400 kilometer bermula dari Kudat ke Tawau.

Menurut Abdul Hamid, kumpulan-kumpulan penjenayah itu tidak pernah berhenti berusaha untuk mencero boh blarpun berdepan ancaman Covid-19.

"Mereka (penculik dan penceroboh) sentiasa berhubung dengan tali barut yang berada di Sabah bagi mendapat maklumat mengenai pergerakan pihak berkuasa.

"Sekiranya Bsscom tidak melakukan tugas dengan baik, ia membuka ruang kepada kumpulan penculik ini untuk melakukan jenayah," katanya ketika ditemui kepada Kosmo! baru-baru ini.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO I		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	/	THE SUN		ORIENTAL DAILY	26	19/11/
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN:		POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL		

Nelayan kawasan Semarak, Pasir Puteh 'gantung' pukat, tidak dapat turun ke laut



Zahari memeriksa bot yang akan dipindahkan ke kawasan selamat oleh nelayan bagi mengelakkan dipukul ombak dan angin kencang sepanjang musim tengkujuh.

PASIR PUTEH - Nelayan di kawasan Semarak di sini mula 'gantung' pukat tanda bercuti daripada melakukan aktiviti menangkap ikan sejak awal November lalu ekoran cuaca yang tidak menentu selain keadaan laut bergelora ketika ini kesan Monsun Timur Laut.

Tinjauan *Sinar Harian* mendapati, rata-rata nelayan sudah mula menaikkan bot-bot mereka ke kawasan lebih selamat sekali gus menandakan mereka akan bercuti lama.

Pengerusi Persatuan Nelayan Kawasan Semarak, Zahari Samat

berkata, persiapan awal itu mengelakkan bot-bot yang digunakan untuk mencari rezeki bagi menyara keluarga rosak dipukul ombak kuat dan angin kencang sepanjang musim tengkujuh.

"Sebelum tengkujuh bot-bot ini kita hanya letak di kawasan pesisir pantai.

"Jadi masuk sahaja musim tengkujuh kita pindah ke tempat yang lebih jauh dari pantai dan selamat," katanya kepada *Sinar Harian* di sini semalam.

Menurutnya, kebiasaannya nelayan akan mula bercuti daripada melakukan aktiviti di laut

bermula November hingga Mac tahun depan.

Beliau berkata, sepanjang tempoh itu, hampir 95 peratus golongan nelayan terpaksa mata pencarian apabila tidak dapat turun ke laut.

Katanya, sepanjang tempoh itulah mereka akan 'mengorok' tabung yang ada untuk menamatkan kehidupan sebelum dapat turun ke laut menangkap ikan pada April tahun depan.

"Selain itu, golongan nelayan turut bergantung kepada bantuan daripada kerajaan sepanjang tempoh tersebut," katanya.

JENIS AKHBAR						MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR	NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	/	THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN:		POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL	

Lambakan ikan, hasil laut tidak terjual

Pendapatan 77 nelayan Kampung Orang Asli Kuala Masai terjejas sejak pelaksanaan PKPB

Oleh ZULHISHAM ISAHAK

PASIR GUDANG

Persatuan Nelayan Orang Asli Kuala Masai berdepan masalah lambakan ikan dan hasil laut yang tidak terjual di Pasar Bayu, Tebrau di sini sejak Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dikuatkuasakan.

Pengerusinya, Kelah Lah, 40, berkata, keadaan tersebut menjejaskan sumber pendapatan sampingan 77 nelayan Kampung Orang Asli Kuala Masai.

"Kita harap ada pemborong masuk ke kampung kami dan membeli ikan serta hasil laut secara terus dengan kami tanpa ada orang tengah. Ketika ini apabila kami menghantar ikan dan hasil laut ke Pasar Bayu, mereka tidak lagi menerimanya.

"Orang ramai tidak keluar ke rumah kerana PKPB selain pelanggan tidak mempunyai wang untuk membeli ikan, sotong dan ketam yang dijual," katanya ketika ditemui pemberita di sini semalam.

Mengulas lanjut, Kelah berkata, sebelum ini nelayan memperoleh pendapatan RM1,500 menjual ikan dan hasil laut dalam sebulan. Namun selepas PKPB mereka hanya



Kelah memunggah hasil kupang yang diternak dan diusahakan penduduk di Kampung Orang Asli Kuala Masai, Pasir Gudang semalam.

mendapat antara RM700 hingga RM800 sebulan.

Kelah yang juga Pengerusi Kampung Orang Asli Kuala Masai berkata, semua penduduk sebelum ini bekerja sebagai nelayan sepenuh masa, namun disebabkan pembangunan, ikan dan hasil laut makin berkurangan menyebabkan mereka menternak kupang sepenuh masa.

Bagaimanapun, katanya, penternakan kupang turut menerima kesan daripada projek pembangunan berdekatan dengan penempatan mereka sehingga menyebarkan kawasan perairan menjadi keruh dan kotor.

"Ini termasuk terdapat bahan kimia yang menjejaskan penternakan kupang. Selepas menambak laut untuk projek pembangunan, mereka membuat satu benteng. Akibatnya kita hanya dapat menuai kira-kira

40 peratus hasil kupang manakala 60 peratus daripadanya mengalami kerugian.

"Jika tidak ada benteng lagi teruk, penternakan kupang akan mengalami kerugian sehingga 90 peratus. Kira-kira 70 peratus penternakan kupang di sini dimiliki orang asli di kampung ini," katanya.

Dalam pada itu, Kelah memaklumkan bahawa ternakan kupang yang diusahakan itu dimiliki Petronas, Jabatan Kemajuan Orang Asli (Jakoa) dan Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA), namun diusahakan oleh penduduk orang asli tempatan.

Katanya, beliau bimbang sekiranya kawasan ternakan kupang terus dicemari dengan kandungan air kotor dan mengandungi kimia ternakan kupang tidak akan menjadi malah terbantu sekali gus tidak dapat dijual.